
**KEPERLUAN PEWUJUDAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN JENAYAH SIHIR DI
MALAYSIA: SATU ANALISIS KOMPREHENSIF**

**THE NEED FOR LEGISLATION RELATING TO THE CRIMES OF WITCHCRAFT IN
MALAYSIA: A COMPREHENSIVE ANALYSIS**

ⁱMohd Hanafiah Abdullah, ^{*ii}Hasnizam Hashim, ^{i, ii}Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ^{i, ii, iii, iv}Ahmad Syukran Baharuddin,
ⁱZulzaidi Mahmod.

ⁱFaculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱCentre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱInternational Advisory Board Member, Mejellat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences
and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

^{iv}Associate Editor, Journal of Contemporary Maqasid Studies, Maqasid Institute, United States of America (USA)

*Corresponding Author: hasnizam@usim.edu.my

ABSTRACT

Witchcraft is a violation of Islamic law that destroys the faith of a Muslim. In addition, this act has a bad effect on the victim of this act of witchcraft. The effects of this immoral act of witchcraft can cause health problems, delirium, disorder and death. Even worse, it is the cause of the collapse of family institutions and society as a result of this act of magic. However, the legal constraints in Malaysia make it difficult for witchcraft perpetrators to be brought before and prosecuted in the Syariah Court. Therefore, this study will discuss the legal requirements against the crime of witchcraft in Malaysia. The results of the study found that the need for legal provisions for witchcraft in Malaysia. With the provision of this law, it will definitely curb the practice of witchcraft in Malaysia. This law will also terrify the people who practice witchcraft. This study is expected to be a reference for researchers, legislators, students, agencies involved in discussing related issues. This study is also expected to be one of the efforts to strengthen the Shariah legal system in Malaysia by creating legal provisions on witchcraft.

Keywords: Law, Witchcraft Crime, Syariah Court, Malaysia

ABSTRAK

Sihir adalah suatu menyalahi hukum syarak yang merosakkan akidah seorang muslim. Di samping itu, perbuatan ini memberi kesan buruk kepada mangsa perbuatan sihir ini. Kesan perbuatan sihir yang tidak bermoral ini boleh menyebabkan masalah kesihatan, kecelaruan, gangguan dan kematian. Lebih parah lagi, ianya punca kepada keruntuhan institusi kekeluargaan dan masyarakat hasil perbuatan sihir ini. Namun, kekangan undang-undang di Malaysia menyukarkan pelaku sihir dihadapkan dan di dakwa di Mahkamah Syariah. Justeru, kajian ini akan membincangkan tentang keperluan undang-undang terhadap jenayah sihir di Malaysia. Hasil kajian mendapat bahawa keperluan peruntukan undang-undang bagi pelaku sihir di Malaysia. Dengan adanya peruntukan undang-undang ini, sudah pasti akan mengekang perbuatan sihir di Malaysia. Undang-undang ini juga akan menggerunkan masyarakat yang melakukan perbuatan sihir. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada para pengkaji, penggubal undang-undang, para pelajar, agensi-agensi yang terlibat dalam membincangkan isu berkaitan hal tersebut. Kajian ini juga diharapkan menjadi salah satu usaha memperkasakan sistem perundang Syariah di Malaysia dengan mewujudkan peruntukan undang-undang pelaku sihir.

Kata Kunci: Undang-undang, Jenayah Sihir, Mahkamah Syariah, Malaysia

Pengenalan

Amalan sihir merupakan suatu perbuatan yang akan mendatangkan risiko dan implikasi negatif yang sangat memudaratkan dalam kehidupan manusia. Sejarah peradaban manusia telah menyaksikan kesan perbuatan tersebut kepada manusia adalah kerosakan dan kemusnahan individu, keluarga serta masyarakat. Perbuatan sihir ini boleh menyebabkan kematian, gangguan perilaku, kerosakan akhlak, malah lebih teruk lagi boleh merosakkan kepercayaan manusia kepada pencipta. Kemusnahan rumah tangga, penceraian akibat sihir pemisah. Unsur ilmu hitam dilaporkan berlaku dalam kalangan peniaga, pasangan suami isteri, artis, ahli politik, tokoh korporat dan tidak terkecuali murid dan ahli akademik di universiti. Malah ada juga penipu atau individu tidak bertanggungjawab menggunakan pukau untuk mendapatkan keuntungan kewangan. Malah, di zaman ini sudah pun wujud kes bomoh menipu pesakit demi menyelesaikan hutang peribadi yang tertunggak (Utusan Malaysia, 2023). Hal ini berpunca daripada kejahilan manusia serta kurang pemahaman yang tepat berkaitan al-Quran dan as-Sunnah. Kepincangan akidah akibat kebertanggungan selain daripada Allah dan menyalahi suruhan Allah Rasullah s.a.w supaya menjauhi perbuatan sihir.

Ketika masyarakat mula mengaplikasi teknologi kecerdasan buatan (AI) serta cabang sains dalam kehidupan, masih ada segelintir terus mengamalkan sihir dan ilmu hitam. Kepercayaan khurafat ini menjadi pilihan segelintir manusia yang gagal mengawal nafsu tamak dan iri hati terhadap kehidupan, kejayaan serta kehidupan orang lain termasuk dalam kalangan golongan artis. Lebih menakutkan apabila gangguan sihir berpunca daripada 'penyakit hati' ini dijadikan 'pembunuhan senyap' terhadap individu yang tidak disukainya (Metro, 2023).

Amalan sihir yang menjadi amalan masyarakat amat menakutkan sebagaimana yang dapat dilihat di dada akhbar ini. Masyakarat yang jahil dan kurang kefahaman agama akan cenderung kepada perbuatan sihir dengan sangkaan mereka sihir akan menyelesaikan masalah dan menghilangkan kesan sihir dengan perbuatan sihir juga. Maka sudah tiba masanya wujudnya undang-undang bagi membasmikan perbuatan sihir di Malaysia kerana sihir merupakan suatu perbuatan yang sukar dikesan dan cara yang ampuh untuk menjatuhkan seorang individu tanpa dikesan oleh pihak lain.

Konsep Sihir Menurut Sarjana Islam

Islam melarang keras amalan sihir. Hal ini bertepatan dengan Hadis Rasulullah s.a.w:

اجتَبُوا السَّبْعَ الْمُوِّبَقَاتِ، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشَّرُكُ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا،
وَأَكْلُ مَالِ الْيَتَامَى، وَالْتَّوَلِيَّ يَوْمَ الرَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمَنَاتِ الْعَافِلَاتِ

Maksudnya: "Jauhilah tujuh jenis dosa besar yang membinasakan. Sahabat bertanya: Wahai Pesuruh Allah? Apakah dosa-dosa itu? Sabda Baginda: Menyekutukan Allah, sihir, membunuh jiwa yang

diharamkan melainkan dengan alasan yang benar, makan riba, makan harta anak yatim, lari daripada perang dan menuduh wanita muhsan beriman yang tidak bersalah dengan tuduhan zina." (Sahih Bukhari, no.2766)

Perkataan sihir berasal daripada perkataan Arab iaitu sahara yang membawa kepada beberapa pengertian dari sudut bahasa antaranya apa yang disebut oleh Ibnu Faris: (سحر) daripada huruf sin, ha' dan ra'. Berkata sebahagian kaum: ianya mengeluarkan sesuatu yang batil dalam gambaran yang hak (benar) dan dikatakan ianya penipuan (Ibnu Faris, 1979M). Al-Azhari pula berkata; mengalihkan sesuatu daripada hakikatnya kepada yang selainnya (al-Azhari, 2001). Manakala al-Fairuz Abidi berkata: sihir: setiap sesuatu yang datang daripada perkara yang tersembunyi (al-Fairuz Abidi, 2006).

Dari sudut istilah pula, terdapat banyak pandangan ulama mengenai definisinya antaranya:

1. Menurut at-Tabari dalam tafsirnya; sihir ialah bayangan sesuatu yang ada pada seseorang bertentangan dengan penglihatan dan hakikatnya (Ibnu Jarir at-Tabari, 2001).
2. Manakala menurut Ibnu Qudamah: Ianya adalah ikatan, jampi mantera, kata-kata yang diucapkan, tulisan, atau melakukan sesuatu dalam badan, jiwa, fikiran orang yang disihir tanpa perlu berhubung secara langsung dengannya. Sihir ini mempunyai hakikat. Antarananya ada yang boleh membawa kepada kematian, kesakitan, menjelaskan hubungan suami isteri atau memisahkan suami isteri atau membuat salah satu pihak membenci anatara satu sama lain atau membuat kedua belah pihak saling mencintai (Ibnu Qudamah,1979). Menurut kamus Dewan Edisi Keempat perbuatan (atau kejadian) luar biasa yang dilakukan oleh manusia secara tersembunyi (ghaib) yang melibatkan makhluk halus.
3. Sihir adalah perkara yang halus dan tersembunyi yang boleh diperolehi melalui pembelajaran. Ianya bersifat khariqul adat iaitu diluar kemampuan manusia, serta ianya berlaku dengan penyamaran dan penipuan, berpunca daripada jiwa jahat samaada berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan orang yang disihir (Dr Abdul Salam al-Sukri,1989).

Setelah meneliti definisi-definisi di atas maka dapat disimpulkan semua definisi merujuk kepada satu makna, dan definisi yang paling jelas ialah: Ianya adalah ikatan dan jampi yang diucapkan atau ditulis oleh ahli sihir atau melakukan sesuatu yang menjelaskan tubuh, jiwa, atau minda orang yang dijampi tanpa bertemu secara langsung. Sebahagiannya adalah sesuatu yang realiti, ada di antara mereka yang membunuh, ada yang menyakiti. Sebahagiannya pula menghalang seorang lelaki menyetubuh, sebahagian mereka memisahkan lelaki daripada isterinya, dan sebahagian mereka menjadikan seorang perempuan benci terhadap suaminya, atau sebaliknya atau membuat lelaki dan perempuan saling mencintai. Semua perkara ini berlaku antara ahli sihir dan syaitan yang diwakilkan untuk melakukan perbuatan-perbuatan tersebut dan ini tidak boleh dilakukan melainkan jika antara mereka mempunyai kepentingan, maka tukang sihir melakukan perkara yang dilarang, syirik, dan kufur sebagai ganti pertolongan syaitan dan taat kepadanya dalam apa yang dia minta daripadanya (Dr Abdullah bin Mohammad bin Ahmad al-Tayyar, 2003).

Sejarah Sihir

Al-Quran yang menjadi rujukan seluruh umat Islam telah menceritakan tentang amalan sihir telah berlaku kepada Nabi Musa a.s sebagaimana firman Allah:

(قَالُوا مُوسَى إِنَّا أَنْ شُلُقِي وَإِنَّا أَنْ نَكُونَ نَحْنُ الْمُلْقِينَ قَالَ الْفَوْلَةُ فَلَمَّا أَلْقَوْا سَحَرُوكُمْ أَعْيُنَ النَّاسِ وَأَسْتَرْجَبُو هُمْ وَجَاءُو بِسَحْرٍ عَظِيمٍ)

Maksudnya Mereka berkata: "Hai Musa! Engkaukah yang akan mencampakkan (tongkatmu lebih dahulu) atau kamikah yang akan mencampakkan (lebih dahulu)?" Nabi Musa menjawab: "Campakkanlah kamu (dahulu)!" Maka apabila mereka mencampakkan (tongkat-tongkat dan tali

masing-masing), mereka menyilap mata orang ramai dan menjadikan orang-orang itu merasa gerun, serta mereka melakukan sihir yang besar (keadaan dan caranya). [al-A'raf 115-116]

Kisah Nabi Sulaiman a.s juga telah dirakamkan oleh Allah dalam al-Baqarah:

(وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانٌ وَلَكِنَّ الْشَّيْطَنَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ)

Maksudnya: Padahal Nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi puak-puak Syaitan itulah yang kafir (dengan amalan sihirnya) [al-Baqarah:102]

Di dalam sebuah hadis pula ada menceritakan tentang Rasullah s.a.w pernah disihir oleh seorang yahudi dari Bani Zuraiq bernama Labid bin A'som.

Maksudnya: "Rasulullah SAW telah disihir oleh seorang lelaki dari Bani Zuraiq yang bernama Labid bin al-A'sam sehingga baginda berasa khayal melakukan sesuatu perkara, padahal baginda tidak melakukannya. Hinggalah pada suatu hari atau suatu malam ketika berada di sisiku baginda berdoa dan terus berdoa. Kemudian Nabi SAW: "Wahai 'Aishah, apakah engkau merasakan bahawa Allah

SWT telah mendatangkan fatwa ketika aku benar-benar memerlukannya? Telah datang kepadaku dua orang lelaki, lalu salah seorang daripadanya duduk berhampiran kepalaiku, dan seorang lagi berhampiran kakiku". Berkata lelaki yang berada berhampiran kepala kepada temannya yang berada berhampiran kakinya: "Apakah penyakit lelaki ini?". Lalu dijawab: "Terkena sihir". Berkata lagi:

"Siapa yang menyihirnya", lalu dijawab: "Labid bin al-A'sam. Berkata lagi: "Dengan (bahan) apa (disihir)?", lalu dijawab: "Pada sikat dan rambut, dan kemudian dibungkus dengan seludang tamar jantan muda". (Lelaki itu) bertanya lagi: "Di mana letaknya benda itu". Lalu dijawab: "Di dalam telaga Dharwan". Maka Rasulullah SAW mendatangi telaga itu bersama dengan beberapa orang sahabat baginda. (Setelah kembali) Nabi SAW berkata: "Wahai 'Aishah, telaga yang aku lihat itu airnya berwarna merah-kemerahan seperti inai. Rupa pohon tamar itu seperti kepala-kepala syaitan". Aku ('Aishah) bertanya: "Ya Rasulullah, kenapa tidak dikeluarkan sahaja benda itu?". Baginda menjawab: "Jangan! Allah telah menyembuhkan daku. Aku tidak suka mengenakan kejahanatan seperti ini ke atas orang lain". Lalu baginda menyuruh agar ditimbuk bahan-bahan sihir dalam telaga itu" (Sahih Bukhari, no.5763)

Hukuman Terhadap Penyihir Menurut Perspektif Islam

Fuqaha berbeza pandangan tentang hukuman terhadap penyihir. Perbezaan ini hasil daripada perbezaan pandangan berkaitan adakah penyihir telah keluar daripada Islam (*kafir*) atau tidak? Terdapat dua pandangan fuqaha hukuman terhadap penyihir:

Pandangan pertama: Imam Malik berpendapat hukumannya adalah bunuh, tidak ada proses istitahab dan tidak diterima taubatnya kerana amalan sihir merupakan pekara yang tersembunyi seperti zindiq dan penzina. Ini kerana Allah SWT sendiri berfirman mengatakan orang yang melakukan sihir ini adalah kufur. Firman Allah SWT:

(وَمَا يُعِلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّىٰ يَقُولَا إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرُ)

Maksudnya: "...sedang mereka berdua tidak mengajar seseorang pun melainkan setelah mereka menasihatinya dengan berkata: "Sesungguhnya kami ini hanyalah cubaan (untuk menguji imanmu), oleh itu janganlah engkau menjadi kafir (dengan mempelajarinya)." (Surah Al-Baqarah: 102)

Ianya juga adalah pendapat al-Imam Ahmad, al-Imam Ibn Thaur, al-Imam Ishak, al-Imam al-Syafi'e dalam satu riwayat dan al-Imam Abu Hanifah Rhm (Al-Qurtubi, 1964).

Pandangan kedua; Pandangan yang masyhur daripada al-Imam Syafie bahawa jika penyihir itu tidak membunuh dengan sihirnya maka tidak dibunuh (Ibnu Hajar al-Asqalani, 1379).

Berkata al-Imam al-Nawawi: Kadangkala sihir itu membawa kepada kekufturan dan kadangkala sihir itu tidak membawa kepada kufur, tetapi dosa besar. Maka jika terdapat dalam sihir itu perkataan atau perbuatan yang membawa kepada kufur maka kafir pelakunya, jika tidak (seperti menggunakan ubat-ubatan dan dadah), maka tidak kufur. Adapun mempelajarinya dan mengajarnya adalah haram, maka pelajaran itu membawa kepada kufur maka kafirlah, jika tidak, maka tidak kufur. Jika tidak membawa kepada kekufturan, maka tukang sihir itu ditakzir dan diberi peluang untuk taubat (An-Nawawi, 1994). Dalam sebuah hadith ada menyebutkan:

حَدُّ السَّاحِرِ ضَرْبَةٌ بِالسَّيْفِ

Maknanya: *Had (hukuman) bagi tukang sihir adalah bunuh* (Riwayat Al-Tirmizi, no.1460).

Manakala Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-33 yang bersidang pada 11 Oktober 1993 berkenaan Amalan Ilmu Hitam/Sihir:

1. *Perbuatan sihir adalah dosa besar dan boleh membawa kepada syirik dan hukum mempelajarinya adalah haram.*
2. *Pengamal sihir yang mendatangkan mudharat kepada manusia adalah berdosa besar dan pelaku jenayah, maka wajib dihukum qisas/hudud.*
3. *Pihak berkaitan hendaklah menyediakan peruntukan undang-undang bagi menghukum pengamal-pengamal yang sabit melakukan sihir.*

Peruntukan Undang-Undang Di Beberapa Buah Negara Berkaitan Sihir

Terdapat beberapa peruntukan undang-undang di beberapa buah negara yang memperuntukkan undang-undang berkaitan sihir. Antara negara-negara tersebut:

Emirate Arab Bersatu

Emirate Arab Bersatu telah memperuntukkan undang-undang, DECEIT Article 399

“Shall be sentenced to detention or to a fine, whoever succeeds in appropriating, for him or for others, movable property, a deed or a signature thereon, cancellation, destruction or amendment thereof through deceitful means or use of false name or capacity, whenever this leads to deceit the victim and have him give away shall be sentenced to the same penalty, whoever disposes of an immovable or movable property being aware that it is not his property, that he is not entitled to dispose of it or disposes of it knowing that he previously disposed of, or contracted, it whenever such act of disposition causes prejudice to others.”

Penafsiran bagi ‘Deceit’ atau ‘الاحتيال’ ialah “penipuan terhadap harta boleh alih yang dimiliki oleh orang lain dengan cara helah dengan niat memilikinya” (Jihad, Jaudah, Husin,1416H) Antara contoh jenayah penipuan di dalam undang-undang Emirate Arab Bersatu adalah mendakwa mengetahui perkara ghaib dan berhubung dengan jin serta menggunakannya dalam merawat penyakit dan menunaikan hajat dengan cara sihir. (Jihad, Jaudah, Husin,1416H)

Mesir

Manakala dalam The Penal Code, Article 336 Swindling and Breach of Trust:

“A penalty of detention shall be inflicted on whoever has been able to lay hold of money, offers, debentures, acquittal documents, or movable effects and luggage, by contrivance to strip a third party of all or part of his/her wealth either by resorting to subterfuge methods that are apt to mislead others toward believieng in the existence of bogus project or false fact, creating hope of obtaining an illusory profit, setting an amount taken by fraudulent methods, or deceiving others with the existence of an invalid debenture, or forged acquittal document, or by dipositing of a fixed or movable property which

he does not own nor has the right of disposing thereof, or by assuming a false name or incorrect quality. However, attempted swindling without fulfilling the act shall be punished with detention for a period not exceeding one year.”

Menurut seorang penafsir undang-undang mesir, sesiapa yang mendakwa boleh berhubung dengan jin, dan membakar kemenyan bagi menyokong perbuatannya ataupun rakaman suara pelik yang keluar dari bilik yang lain membuktikan kegiatan tersebut salah satu cara penipuan. (Husni, Mahmud, Najib, 1988)

Dapat di lihat di sini bahawa sebahagian negara seperti Emirate Arab Bersatu dan mesir, meletakkan perbuatan sihir bukan suatu jenayah akan tetapi dikira sebagai jenayah kesan daripada perbuatan tersebut seperti penipuan terhadap harta orang lain dengan cara helah.

India

Fenomena yang sana turut berlaku beberapa negari di India. Terdapat kes- kes individu terutama wanita yang dituduh menjadi tukang sihir dan telah dibunuhi oleh orang kampung dengan kejam. Bihar adalah antara negeri pertama di India yang meluluskan undang-undang menentang ilmu sihir sekitar tahun 1999. Ia dikenali sebagai *Prevention of Witch (Dayan) Practices Act*. Begitu juga dengan Jharkhand yang mewartakan *Anti Witchcraft Act 2001*, Chhattisgarh yang telah meluluskan *Chhattisgarh Tonahi Pratadna Nivaran Act 2005*, Odisha yang menguatkuasakan *Odisha prevention of Witch-hunting Act 2013*, Rajasthan yang meluluskan *Rajasthan Prevention of Witch-Hunting Act 2015*. (Mahyuddin Ismail, 2022)

Brunei Darussalam

Negara Brunei telah memperuntukkan Seksyen 152 (1):

Mana-mana orang yang melakukan qatl dengan sihir yang pada kebiasaannya boleh menyebabkan kematian dan dibuktikan dengan ikrar tertuduh adalah melakukan suatu kesalahan qatlul-'amddan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum mati sebagai qisas.

Seksyen 152 (2) pula memperuntukkan:

Mana-mana orang yang melakukan qatlul-'amdd engan sihir-

- a) yang dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan di bawah ceraian (1);
- b) jika orang itu bukan mukallaf; atau
- c) terhadap anaknya sendiri

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$100,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 25 tahun atau kedua-duannya sekali.

Manakala seksyen 152 (3) Kanun tersebut memperuntukkan:

Mana-mana orang yang melakukan qatlul dengan sihir yang-

- a) Kadang-kadang atau jarang-jarang boleh menyebabkan kematian;
- b) Dimaksudkan untuk menyebabkan kematian seseorang yang tertentu tetapi telah menyebabkan kematian orang lain, kematian yang dia tidak bermaksud akan menyebabkan kematian kepada orang lain tersebut, dan dibuktikan dengan ikrar tertuduh adalah melakukan suatu kesalahan qatlul syibhil-'amdd dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman dengan membayar diyat kepada wali-ad-dam mangsa dan dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 15 tahun.

Manakala dalam seksyen 208 perintah hukuman jenayah Syariah 2013:

- 1) *Mana-mana orang yang mengamalkan atau mengiklankan sihir adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatudenda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidakmelebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.*
- 2) *Mana-mana orang yang meminta pertolongan daripada ahli sihir untuk mencapai apa-apa hajatnya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.*
- 3) *Mahkamah boleh memerintahkan orang yang telah disabitkan kesalahan di bawah ceraian (1) atau (2) untuk menghadiri kaunseling yang diberikan oleh seseorang, institusi, persatuan yang sesuai menurut pendapat Mahkamah. (Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam)*

Setelah meneliti undang-undang beberapa negara yang memperuntukkan sihir sebagai suatu jenayah. Manakala sebahagian negara yang lain seperti Emirate Arab Bersatu dan mesir, meletakkan perbuatan sihir bukan suatu jenayah akan tetapi dikira sebagai jenayah kesan daripada perbuatan tersebut seperti penipuan terhadap harta orang lain dengan cara helah. Maka dapat disimpulkan di sini bahawa undang-undang sihir ini bukan sesuatu yang asing dan di peruntukkan di beberapa negara bagi menjaga *maslahah umum*.

Kes-Kes Di Mahkamah Berhubung Kesalahan Jenayah Sihir di Malaysia

Kajian Kes 1: Kes Mona Fendi

Menurut penganalisis jenayah, Kamal Affandi Hashim, kes berkenaan menarik perhatian umum kerana mempunyai beberapa elemen termasuk unsur mistik. “Kenapa orang tertarik dengan kes ini, ada dua sebab. Pertama, sebab melibatkan ahli politik dan juga seorang yang ‘macam’ selebriti. Kedua, kerana ada unsur mistik di dalamnya”.

Mengikut fakta kes, dua minggu selepas gagal dikesan, laporan polis mengenai kehilangan Datuk Mazlan dibuat di Balai Polis Raub. Pihak polis pada mulanya menahan tertuduh pertama, Juraimi Husin kerana dia disyaki menagih dadah dan penahanannya membawa kepada penemuan satu pembunuhan yang di luar jangkauan kewarasan akal fikiran manusia. Pada 19 Julai 1993, siasatan kehilangan Datuk Mazlan dimulakan dan Juraimi di bawa ke Ulu Dong, Raub, di mana pihak polis merampas pita video, album gambar dan 17 sijil saham milik mangsa.

Sehari selepas itu, Mohd Affandi Abdul Rahman (tertuduh kedua) dan isterinya, Mona Fandey atau nama sebenar Maznah Ismail (tertuduh ketiga) ditahan di sebuah rumah di Wangsa Maju. Ketika dibawa ke Balai Polis Raub, satu kenyataan oleh Affandi kepada pembantunya, Juraimi, yang membuka segala kebenaran.

“Jadi bila dua pasangan ini dibawa pada 23 Julai itu di balai dan dipertemukan, Affandi sendiri cakap kepada Gondrong (gelaran kepada Juraimi), “Sudahlah, ceritalah perkara yang betul sebab semua orang dah tahu”. Kata Kamal Affandi “Jadi, daripada sini lah siasatan itu telah membawa kepada penemuan bukti-bukti yang kukuh yang kemudiannya telah dipanjangkan kepada pendakwa raya”. Ketiga-tiga mereka didapati terbabit dan disabitkan kesalahan membunuh Datuk Mazlan, di Mahkamah Tinggi Temerloh pada 9 Februari 1995 dan dijatuhi hukuman gantung sampai mati.

69 hari perbicaraan di Mahkamah Tinggi Temerloh, mengukuhkan lagi kes pendakwaan bahawa tertuduh telah membunuh dan motifnya hanya untuk mendapatkan wang dan harta bagi kepentingan mereka (Fail Mahkamah,2023).

Kajian Kes 2: kes Mustafa Batcha lawan Habeeba Abd. Rahman

Dalam kes Mustafa Batcha lawan Habeeba Abd. Rahman, perayu mendakwa telah melafazkan talaq dalam keadaan beliau tidak sedar kerana dipengaruhi sihir. Menurut perayu, gangguan sihir bermula setelah beliau berjaya mendapatkan tender kantin di sebuah kilang. Semenjak itu, fikirannya menjadi tidak tenteram, berasa benci dan marah pada isterinya tanpa sebab. Pernah beliau memukul isterinya sedangkan dia sendiri tidak menyedari apa yang dilakukannya. Dalam keadaan tidak sedar juga beliau telah membuat permohonan untuk menceraikan isterinya. Perayu menemui bungkus kain putih di dalam kantin tersebut. Beliau mendapatkan rawatan dari seorang perawat tradisional dan menurut perawat tersebut, beliau telah kena sihir kerana berjaya mendapatkan tender kantin tersebut. Penyihirnya itu berasa dengki lalu menyihirnya agar rumah tangganya bercerai berai. Setelah mendapatkan rawatan dan keluar dari kantin tersebut, beliau telah pulih dan boleh berfikir secara normal. Perayu merayu agar mahkamah menyemak semula perceraian talaq tiga yang telah direkodkan oleh mahkamah sebelumnya. Hakim Mahkamah Rayuan memutuskan kes ini belum didengar sewajarnya dan memerintah ianya dibicarakan semula ekoran kegagalan Hakim Mahkamah Rendah Syariah untuk mendapatkan pendapat pakar (*ra'yu al-khabir*) berkenaan isu tersebut. YAA Hakim menyarankan agar perawat yang merawat perayu dipanggil untuk diminta pendapatnya sebagai pakar.

Kajian Kes 3: Re Wan Norsuriya [1418] JH 211 Dalam kes Re Wan Norsuriya,

Pemohon telah memohon kepada Mahkamah untuk membubarkan perkahwinan kerana unsur keengganannya daripada pihak pemohon. Menurut Wan Norsuriya, pemohon ada berkenalan dengan Mohd Nasir bin Ismail (responden). Selepas dua hari berkenalan dengan responden, pemohon telah diculik dan dikurung oleh responden serta kawan-kawan responden di suatu kawasan kelapa sawit. Pemohon mendakwa dia telah didera seperti ditampar, disepak dan diterajang serta terus diawasi oleh responden dalam keadaan sedemikian selama sebulan. Lantaran itu, bapa pemohon telah membuat laporan polis berhubung kejadian penculikan pemohon dan responden menjadi buruan polis. Kemudian responden membawa lari pemohon ke Thailand untuk dikahwinkan bagi mengelak menjadi buruan polis. Semasa dalam akad nikah di Thailand pemohon berada dalam keadaan tidak sedar dan dikahwinkan tanpa kerelaan pemohon. Setelah itu, Hakim memutuskan ada unsur sihir semasa pemohon berada dalam tahanan responden dan semasa akad nikah di Thailand. Walaupun tiada peruntukan undang-undang yang khusus berhubung dakwaan sihir, maka kes diputuskan atas dasar tiada persetujuan pemohon.

Kajian Kes 4: Muhammad Kamran Babar Nazir Khan dan Yani Yuhana Mohd Zambri

Dalam kes Muhammad Kamran Babar Nazir Khan dan Yani Yuhana Mohd Zambri, pemohon iaitu Yani Yuhana telah memohon kepada Mahkamah untuk membubarkan perkahwinan kerana pemohon telah disihir oleh plaintif. Walau bagaimanapun, menurut Hakim Mahkamah Syariah Abdul Walid Abu Hassan, pemohon iaitu Yani Yuhana selaku defendan gagal memanggil saksi dan menimbulkan keraguan untuk membuktikan dakwaan itu walaupun, defendan telah mengemukakan laporan polis dan surat daripada Pusat Perubatan Islam Daru syifa kepada Mahkamah. Menurut Hakim Mahkamah Syariah Abdul Walid Abu Hassan, defendan iaitu Yani Yuhana, 25, kelihatan sedar dan waras ketika majlis perkahwinan yang diadakan di Sadiqadad Raw, Pakistan pada 2 April 2009 serta defendan juga kelihatan ceria seperti yang dilihat dalam album foto perkahwinan. Dalam kes ini juga terdapat unsur-unsur sihir yang kurang tatacara, prosedur dan perincian maka unsur sihir itu tidak dapat dibuktikan (Mahyuddin Ismail, 2022).

Perkembangan Undang-Undang Jenayah Sihir Di Malaysia

Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan (I) 2019, Seksyen 4 Sihir

- (1) *Mana-mana orang yang melakukan amalan, perbuatan, tindakan atau apa-apa sahaja yang boleh ditakrifkan sebagai sihir dengan apa-apa cara adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan disebat tidak melebihi enam sebatan.*

- (2) *Mahkamah boleh memerintahkan supaya apa-apa peranti, barang atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang telah disebut dalam subseksyen (1) dilucutahkan dan dimusnahkan.*

Terengganu Seksyen 3A Perbomohan dan Sihir

- (1) *Mana-mana orang atau mana-mana pusat rawatan yang melakukan atau memberikan apa-apa pengubatan, amalan atau menjalankan upacara perbomohan atau amalan sihir atau apa-apa perbuatan yang bercanggah dengan hukum syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.*
- (2) *Mahkamah boleh memerintahkan supaya apa-apa peranti, barang atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang telah disebut dalam subsyeksen (1) dilucutahkan dan dimusnahkan.*

Di peruntukkan di dalam enakmen kesalahan sihir ini berpunca daripada kes bicara yang melibatkan kes-kes mal. Terdapat kes penceraian yang mempunyai unsur-unsur sihir. Sebagai contoh suami menceraikan isteri di luar mahkamah. Ketika dalam perbicaraan, suami memberi kenyataan bahawa beliau tidak menyedari lafaz talak tersebut kerana terkena sihir. Kemudian pihak suami menemui Perawat Islam sebagai saksi pakar di mahkamah dengan memberi kenyataan bahawa suami terkena sihir semasa melafazkan talak. Berdasarkan penemuan-penemuan tersebut, sebahagian hakim menggunakan pakai elemen-elemen sihir dalam memutuskan suatu keputusan dengan memanggil Perawat Islam sebagai saksi. Manakala sebahagian hakim yang lain tidak menggunakan pakai elemen-elemen sihir ini walaupun terdapat unsur-unsur sihir.

Dalam masa yang sama, setelah melihat kepada Negeri Kelantan yang telah memperuntukkan kesalahan sihir dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Rentetan daripada itu, pihak kerajaan menderangkan satu enakmen khusus berkaitan jenayah sihir. Sekiranya tiada undang-undang melibatkan kesalahan sihir ini, maka tindakan undang-undang tidak boleh dikenakan kepada bomoh atau perawat yang bersalah dengan agama Islam.

Namun begitu, terdapat cabaran dalam pelaksanaan undang-undang ini, antaranya kekurangan pakar dalam ilmu berkaitan sihir. Bagi mengatasi cabaran tersebut, suatu kerjasama akan dilaksanakan diantara Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Bahagian Undang-Undang Keluarga Jabatan Hal Ehwal Islam Terengganu (JHEAT) dalam usaha menujuhan satu jawatankuasa pakar yang akan menilai samaada sesuatu kes atau perawat menggunakan sihir atau tidak. Jawatankuasa ini akan menilai, menyiasat dan menyemak terlebih dahulu sebelum sesuatu kes atau mana-mana perawat diambil alih oleh Penguatkuasa Agama. Penubuhan jawatankuasa ini penting bagi memastikan sesuatu keterangan pakar itu diterima (Wan Abdul Malik bin Wan Sidek, 2024).

Keperluan Undang-Undang Terhadap Jenayah Sihir di Malaysia

Setakat hari ini masih tiada mana-mana pendakwaan dilakukan terhadap pengamal ilmu sihir. Malahan, pembuktian dan keterangan bagi jenayah sihir juga masih di peringkat kajian kerana melibatkan keadaan yang rumit seperti tatacara siasatan dan pendakwaan yang masih belum wujud. Hal ini memerlukan kepada penubuhan jabatan khas yang menggunakan tenaga pakar dalam bidang sihir bagi meneruskan siasatan. Kepakaran dalam bidang sihir adalah merupakan satu keperluan bagi memenuhi kehendak pendakwaan dan pembuktian.

Hal ini kerana ilmu sihir adalah ilmu hitam yang melibatkan entiti yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Ini berbeza dengan pendakwaan dan pembuktian bagi kesalahan lain seperti berjudi atau minum arak yang mana pelaku dan barang-barang keterangan yang digunakan untuk melakukan jenayah seperti kertas judi dan botol arak boleh dilihat dengan mata kasar.

Malahan, keterangan saksi bahawa seseorang itu berada di premis judi dan premis arak juga boleh didapati kerana ia melibatkan penyaksian oleh saksi yang boleh melihat kejadian tersebut.

Di dalam pembuktian amalan sihir, alatan-alatan yang digunakan seperti kain kuning, anak patung, jarum, rambut atau kuku, tulang haiwan, tanah kubur, ayam, pulut kuning, limau dan sebagainya masih boleh dilihat, tetapi menjadi satu permasalahan bagi keterangan saksi kerana sihir tidak dilakukan di tempat yang terbuka. Apabila ianya dilakukan di tempat tertutup, maka, tiada keterangan saksi yang dapat diperolehi bagi membuktikan ritual yang dilakukan oleh pengamal ilmu sihir. Bagaimanapun, masih terdapat alternatif lain yang wajar dicadangkan iaitu pembuktian sihir melalui keterangan pakar forensik.

Sekiranya, undang-undang mengenai pendakwaan dan pembuktian sihir dipertimbangkan, maka adalah wajar jika keterangan pakar forensik diangkat sebagai salah satu pembuktian. Malahan, penubuhan satu jabatan khas bagi menyiasat jenayah sihir juga wajar diwujudkan di Jabatan Forensik bagi mengenalpasti perkaitan antara alatan-alatan sihir yang digunakan dan pengamalnya.

Memandangkan jenayah sihir sudah menjadi semakin serius, peruntukan undang-undang mengenai jenayah sihir patut disegerakan bagi melindungi mangsa dan mengheret pengamal ilmu sihir ke muka pengadilan. Sekiranya merujuk kepada amalan sihir di dalam perundangan Islam, ulama lebih cenderung kepada pendapat bahawa sihir merupakan amalan syirik yang menyimpang dari ajaran agama Islam.

Dari sudut bidangkuasa Mahkamah Syariah di Malaysia, adalah jelas bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam. Jika dirujuk kepada undang-undang sedia ada sebagai contoh Seksyen 3 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, yang memperuntukkan kesalahan bagi pemujaan salah, kita dapat lihat bahawa undang-undang mengenai amalan syirik sebenarnya sudah digubal namun masih terdapat kelompongan yang perlu ditambah baik.

Namun, jika amalan sihir digunakan sebagai cara untuk melakukan jenayah seperti rogol bagi memenuhi tuntutan ilmu hitamnya, maka, ia akan disiasat di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaaan. Begitu juga pengamal ilmu hitam yang menggunakan ilmu santau untuk membunuh, kes akan disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaaan. Bagi sesetengah pengamal ilmu hitam menggunakan ilmu pukau dan menjampi orang tengah untuk melakukan jenayah, pelaku boleh menimbulkan pembelaan hilang akal di bawah Seksyen 84 Kanun Keseksaaan bagi mengelakkan pensabitan pertuduhan. (Norsuhaida binti Che Musa, Nurul Qurratul Aini binti Md Roslan, 2021)

Untuk menjalankan suatu prosiding jenayah, pihak berkuasa memerlukan satu punca kuasa yang memberikannya kebenaran dan kuasa untuk melakukan satu-satu tindakan. Punca kuasa tersebut berupa peruntukan undang-undang atau arahan pihak berkuasa. Dicadangkan agar digubal satu Akta yang dinamakan Akta Jenayah Sihir 30 yang mengandungi:

- i. Peruntukan bagi menubuhkan sebuah jabatan siasatan khas yang mempunyai kuasa untuk menyiasat dan menjalankan segala prosedur yang berkaitan bagi membanteras kegiatan jenayah menggunakan ilmu sihir;
- ii. Definisi dan senarai kesalahan-kesalahan jenayah yang ada kaitan dengan sihir serta hukumannya;
- iii. Tatacara dan kaedah-kaedah yang mesti difahami dan dipatuhi oleh seseorang pegawai dalam menerima aduan, menjalankan siasatan, melakukan geledahan, membuat tangkapan, memeriksa orang dan barang;
- iv. Jenis keterangan yang boleh menjadi bahan bukti dan diterimapakai di dalam perbicaraan mahkamah. Usaha ke arah ini telah hampir diselesaikan oleh mereka yang pakar dalam undang undang terutamanya oleh ahli-ahli akademik. Deraf undang-undang Jenayah Sihir Malaysia

juga telah berjaya diwujudkan, namun ia bukanlah satu usaha yang mudah untuk terus diluluskan rentetan daripada hambatan dan halangan dari sudut-sudut yang lain. Walau bagaimanapun, kewujudan deraf ini sedikit sebanyak menunjukkan kesungguhan pihak-pihak tertentu ke arah melaksanakan undang-undang jenayah sihir dan sekali gus dapat membuka mata pihak-pihak yang lebih berkuasa untuk menilainya (Mohd Sabree Nasri, 2015).

Kesimpulan

Amalan sihir menjadi suatu penyakit dalam masyarakat yang akan merosakkan diri individu, keluargadan masyarakat sekiranya tidak diatasi dengan kesedaran masyarakat dan undang-undangyang membawa pengamal ilmu ke muka keadilan. Kerosakan ini dapat dilihat melalui kes-kes yang terdapat di mahkamah sehingga meruntuhkan institusi keluarga, malah lebih teruk lagi mampu membunuh individu lain. Sekiranya tiada undang-undang di Malaysia dengan hukuman yang berat dikenakan kepada pengamal sihir sudah pasti masyarakat akan melihat hal ini sesuatu perkara biasa. Malah lebih dasyat lagi, sekiranya tiada undang-undang ini, masyarakat akan menggunakan akan menggunakan sihir juga untuk menghapus sihir kerana tiada altenatif lain lagi untuk digunakan bagi menghalang seseorang daripada terkena sihir. Hal ini jelas bercanggah dengan hukum syarak. Menurut Syeikh Dr Wahbah al-Zuhaili dalam al-Fatawa al-Mu'asirah berkata: Diharamkan untuk pergi kepada tukang sihir sama ada untuk melakukan sihir atau pengubatan sihir. Maka semua itu sebagaimana yang disebutkan di dalam hadis Nabawi adalah salah satu jenis daripada syirik kepada Allah SWT kerana ia adalah keyakinan dengan mengetahui yang ghaib atau pengubatan penyakit melalui perantaraan selain Allah SWT. (Wahbah al-Zuhaili,2003). Disamping itu, undang-undang berkaitan sihir ini bukan asing lagi, terdapat beberapa negara telah memperuntukkan undang-undang jenayah sihir melihat kepada kesan buruk sihir tersebut. Justeru menjadi suatu keperluan bagi setiap negeri di Malaysia memperuntukkan undang-undang terhadap jenayah sihir.

Rujukan

- Al-Azhari. (n.d.). Tahzib al-Luhgah, Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Al-Asqalani, I. H. (1379 H). Fath al-Bari, Dar al-Makrifah.
- Al-Bukhari. (n.d.). Sahih al-Bukhari [Kitab al-Tibb, no. 5763]. Al-Sultaniah.
- Al-Fairuz Abidi. (n.d.). Al-Qamus al-Muhid, Maktab Tahqiq al-Turath fi Muasasah al-Risalah.
- Al-Qutubi. (n.d.). Tafsir al-Qutubi. Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Sukri, A. S. (n.d.). As-Sihr Baina al-Hakikah wa al-Wahn fi al-Tauwir al-Islam. Dar al-Misyriyah.
- Al-Tayyar, A. M. A. (n.d.). Kaifa Natakhalfaf Mina Sihr. Dar al-Mutaalim.
- Al-Tabari, I. J. (n.d.). Jami' al-Bayan an Takwil al-Quran, Dar Hajar littiba'ah wa Nasr wa Tauzi' wa Il'am.
- Al-Zuhaili, W. (2003). Al-Fatawa al-Mu'asirah. Dar al-Fikr al-Muasarah li Tiba'ah wa Nasr wa Tauzi'.
- An-Nawawi. (n.d.). Sahih Muslim bi Syarh an-Nawawi. Muasasah Qutubah.
- Che Musa, N., & Md Roslan, N. Q. A. (n.d.). Sudah tiba masa pengamal ilmu hitam didakwa. Astro Awani.
- Di sebalik kes Mona Fandey. (2023, November 8). [Court file].
- El-hassan malik, de la rasponsabilite, civile extra – contractuelle du fait d, autrui en droit francais et droit irakien compare, these, paris,195, p. 34.
- Husni, M. N. (1988). Syarh Qanun al-Uqubah al-Qism al-Khas. Dar al-Nahdah al-Arabiah.
- Ibnu Faris. (n.d.). Mukjam Maqaais al-Luqhah, Darul Fikr.
- Ibnu Qudamah. (n.d.). Al-Mughni. Maktabah al-Qaherah.
- Jihad, J. H. (1416 H). Qanun al-Uqubah al-Ittihadi al-Qism al-Khas. Matba'ah al-Bayan al-Tijariyah.
- Mahyuddin Ismail, Jenayah Sihir Analisis dari Sudut Perundangan. Halaman 40.
- Nordin N. (2023, Julai 8). Berbelas tahun kena hadap sihir, Metro.
<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/985832/berbelas-tahun-kena-hadap-sihir>
- Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. (n.d.). Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah.
- Rencana M. (2023, Mei 9). Penggunaan sihir semakin menjadi-jadi, Utusan Malaysia. Penggunaan sihir semakin menjadi-jadi - Utusan Malaysia.
- Sudah tiba masa pengamal ilmu hitam didakwa. Astro Awani.